

1. Sepasukan anggota Maritim mengawasi kawasan sempadan perairan negara agar tidak _____ oleh nelayan-nelayan asing.

- A diusik
- B dikawal
- C diganggu
- D diceroboh

2. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Seorang pengawal keselamatan _____ tangan pemuda yang didapati mencuri barang di pasar raya itu.

- A mengilas
- B memutar
- C mencekak
- D merenggut

3. Remaja merupakan permata negara kerana merekalah yang akan _____ pimpinan negara ini pada suatu masa nanti.

- A menelusuri
- B menduduki
- C menerajui
- D mengakui

4. Asraf tidak dapat memberikan pendapat yang bernas tentang perkara itu kerana fikirannya masih _____ dengan masalah di pejabat.

- A berselirat
- B berselerak
- C berserabut
- D berkeladak

5. Kamal _____ selepasnya kerana dia keujanan ketika pulang dari sekolah semalam.

- A menyelami
- B mengalami
- C mendalami
- D mengharungi

6. Dania sibuk _____ pelajaran kerana peperiksaan akhir tahun bakal menjelang tidak lama lagi.

- A melihat
- B merujuk
- C menelaah
- D merancang

7. Firdaus mudah melenting apabila _____ oleh ketuanya dalam mesyuarat.

- A dipuji
- B dipuja
- C ditegur
- D dipesan



8. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Chitra mengutip sisa makanan yang _____ di atas lantai itu.

- A bertaburan
- B berserakan
- C berhamburan
- D bergelimpangan

9. Berkat kerajinannya, Wahid telah berjaya _____ jawatan sebagai pengurus pemasaran di syarikat itu.

- A menjawat
- B mencapai
- C menambat
- D mencantas

10. Cincin yang _____ tiga biji batu permata itu dijual dengan harga yang mahal sekali.

- A berlandaskan
- B bersulamkan
- C bertandakan
- D bertatahkan

11. Murid-murid digalakkan _____ kegiatan kokurikulum di sekolah untuk mengembangkan bakat dan kemahiran mereka.

- A menjalani
- B menyertai
- C menyusuli
- D memasuki

12. Zainul _____ kedua-dua orang ibu bapanya kepada sahabat-sahabatnya yang sama-sama belajar di Australia dahulu.

- A menampilkan
- B memperkenalkan
- C mempertontonkan
- D mempersembahkan

13. Pihak polis _____ suspek mempunyai hubungan yang erat dengan mangsa pem _____ an itu.

- A merasai
- B mengalami
- C mengesyaki
- D membayangi

14. "Anak-anak muda sekarang lebih berminat makan gaji daripada _____ dengan selut dan lumpur," kata Pak Saad kepada isterinya.

- A bergerak
- B bercantum
- C bercampur
- D bergelumang

15. Bangunan itu hampir siap dibina namun operasi pembinaan terpaksa _____ oleh pemaju kerana masalah kewangan.

- A dibatalkan
- B dilewatkan
- C ditangguhkan
- D dimansuhkan

16. Mak Esah sedang _____ baju anaknya yang koyak dengan menggunakan benang yang dibeli dari kedai Pak Atan.

- A menjalin
- B menjahit
- C menenun
- D menganyam

17. Rosmina selalu _____ sampan di tasik itu bersama-sama dengan kakaknya pada setiap hujung minggu.

- A mendayung
- B mengayuh
- C mendaki
- D menolak

18. Sudah tiga hari kapal layar itu _____ di pantai akibat cuaca buruk yang melanda kawasan tersebut.

- A tersangkut
- B terapung
- C terkapar
- D tersadai

19. Sajak yang dideklamasikan oleh Mei Lan tadi _____ olehnya sendiri.

- A dibina
- B dibentuk
- C dikarang
- D dirancang

20. "Segala titah perintah tuanku, akan patik _____ di atas jemala patik," sembah bendahara kepada Sultan Muzafar Shah.

- A tanggung
- B junjung
- C angkat
- D jinjing